

# Tangkal Orang Mati Lepaskan Seksa Kubur

Satu lagi kepercayaan karut yang boleh menyesatkan iktikad dan memesongkan iman umat Islam timbul di kalangan masyarakat Islam di tanah air kita. Kepercayaan karut yang kita maksudkan itu ialah dengan tersebarnya sejenis “tangkal orang mati” yang dijual dengan harga seringgit kepada orang ramai. “Tangkal orang mati” ini dikeluarkan oleh seorang hamba Allah yang menamakan dirinya Ibn Muhammad al-Samadi yang beralamat (47A – T.T.R. PG.) (alamat yang tertulis pada sebelah bawah tangkal itu tidak begitu terang, lantaran hurufnya terlalu kecil – P.)

Maklumat berhubung dengan “tangkal orang mati” ini telah kita terima daripada seorang pembaca majalah Qalam di Pulau Pinang melalui sepucuk surat khasnya serta sekeping contoh tangkal tersebut. Kerana memandangkan soal ini adalah suatu soal besar yang patut diterangkan dengan secara meluas kepada sekalian umat Islam di seluruh tanah air, maka di bawah ini kita siarkan isi kandungan surat yang kita terima itu dengan lengkap serta jawapan di atas pertanyaan yang dikemukakannya itu – pengarang.

Tuan,

Tolong tuan berikan penerangan adakah di dalam agama Islam “tangkal” untuk orang yang sudah mati? Pada zaman

Martin Luther – ialah seorang paderi muda Jerman yang terkemuka – telah menentang dengan kerasnya, di atas “tiket

syurga” yang dikeluarkan oleh pope dari Rom (Itali).

Baru-baru ini di Pulau Pinang, seorang guru agama yang terkenal di seluruh Pulau Pinang dan Seberang perai, telah mengeluarkan “tangkal orang mati” berharga \$1.00, simpan di dalam botol kecil, dan taruh di antara kain kapan si mati, dengan itu dapat menolong haru-hara kubur.

Tolonglah tuan beri penjelasan, adakah secara ini di dalam hukum Islam, dan bolehkah kita pakai atau mengamalkannya? Terima kasih.

Bersama ini saya kirimkan tangkal itu, buat contoh.

Semali.

**Tangkal Orang Mati...**

**Jawapan kita:**

Untuk pengetahuan para pembaca sekalian maka di ruangan ini kita siarkan contoh “tangkal orang mati” yang dikatakan oleh orang yang membuatnya untuk menolong mayat daripada haru-hara kubur. Menurut yang tertulis di bawahnya “tangkal” itu diberikan dengan “percuma sahaja”. Tetapi menurut keterangan surat dari saudara Semali yang telah menghantarkan contoh “tangkal” ini kepada kita, ia dijual dengan harga \$1.00 (sekeping).

Kita berpendapat sama ada “tangkal” itu diberikan dengan percuma atau pun dijual dengan harga beribu-ribu ringgit sekalipun, ia tetap merupakan suatu khurafat yang tidak boleh dipercayai oleh setiap golongan orang-orang Islam. “Tangkal” tersebut adalah karut, semata-mata rekaan dari dari golongan orang-orang yang ingin mencari keuntungan dengan secara haram. Perbuatan ini adalah boleh dianggap suatu penipuan besar dibidang agama yang wajib ditentang oleh seluruh umat Islam dan wajib pula diambil suatu tindakan keras oleh seluruh umat Islam dan wajib pula diambil suatu tindakan keras oleh pihak yang berkuasa dalam negeri ini, demi untuk membasmi dan menghapuskan suatu cara “tipu daya” dengan berselindung di sebalik nama agama.


Sekalipun pereka “tangkal” itu mendakwa bahawa keseluruhan ayat dan jumlah kata yang ditulisnya pada “tangkal” itu dinaqal daripada al-Tarmidhī, Sharh ‘Ibāb, Ibn Hajar dan Hāshiyah Jamal al-Munhaj, tetapi

itu semuanya merupakan suatu “doa” yang biasa dibaca atau diamalkannya oleh seseorang muslim-tidak lebih dari itu - tidak termasuk pada akal para ulama salaf di zaman silam seperti al-Tarmidhī dan Ibn Hajar mendakwa bahawa doa-doa yang mereka tulis itu boleh dijadikan “tangkal” untuk melepaskan seseorang yang telah mati itu daripada haru-hara dan seksa kubur, dengan cara ditaruhkan jumlah kata doa yang telah ditulis itu di antara kapan mayat dan ditanam bersama-sama mayat itu di liang lahad, - sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Ibn Muhammad al-Samadi pereka ‘tangkal orang mati’ dari Pulau Pinang itu. Takkanlah dengan begitu mudah sekali Malaikat Munkar wa Nakīr dapat diberi rasuah dengan sekeping kertas doa yang berharga seringgiti? Seksa kubur tidak akan dapat ditebus hanya dengan sekeping kertas doa, tetapi seksa kubur ditebus dengan amal kebajikan yang dibawa oleh si mati, ini pun kalau Tuhan mengkehendakinya, kerana Tuhan berkuasa mengampun dan menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya seperti firmanNya: *“fayaghfur liman yashā’ wa ya ‘dhibu man yashā’, wa Allāhu ‘alā kulli shay’in qadīr”* ertinya: “Maka Allah mengampunkan sesiapa yang dikehendakinya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakinya, Allah berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu.” [al-Baqarah ayat: 284].

Dengan sepotong ayat yang pendek ini sahaja kita sudah dapat menegaskan bahawa kekuasaan memberikan nikmat atau pun menyeksa seseorang hamba itu adalah terletak di atas *irādah* dan kemahuan Tuhan ‘azza wajalla. Manusia tak boleh campur tangan dalam soal ini,

setiap manusia mempunyai tanggungjawab sendiri segala sesuatu yang dilakukannya di dunia ini, kalau ia melakukan kebajikan maka ia sendiri akan melihat hasil dari amal kebajikan yang telah dilakukannya itu, begitu pula sebaliknya, jika ia melakukan kejahatan, maka ia sendirilah yang akan melihat hasil dari perbuatan yang telah dilakukannya itu. Ini dengan jelas telah diterangkan oleh Tuhan di akhir Sūrah al-Zalzāl dengan firman-Nya:

*“Faman ya ‘mal mithqāla dharratin khayrān yarah, waman ya ‘mal mithqāla dharratin sharrān*



## Tangkal Orang Mati...

*yarah*”. Ertinya: “Barang siapa yang mengerjakan walau sebesar debu akan amal kebajikan, nescaya ia akan melihatnya. Dan barang siapa yang mengerjakan walau sebesar debu akan perbuatan jahat, nescaya ia akan melihatnya.”

Kalau seseorang itu mati membawa amal kebajikan dan iman, ia akan dikurniakan Allah segala macam nikmat semasa berada di alam barzakh hingga ke alam akhirat dengan tidak payah membawa 1001 macam tangkal azimat ke lubang kubur. Tetapi jika ia mati dengan membawa amal kejahatan dan maksiat walaupun kerandanya itu diisi penuh dengan tangkal wafaq dan jampi mantera,

maka semuanya itu tidak akan memberi bekas dan tidak akan dapat menolongnya daripada azab Tuhan yang telah dijanjikannya itu. Inilah janji-janji Allah, bahawa sesungguhnya Allah, tidak sekali-kali memungkir janji-Nya sebagaimana firman-Nya : *“Walan yukhlifa Allāhu wa ‘dah”* ertinya “dan Allah itu tidak sekali-kali memungkir janji-Nya.” [Surah al-Hajj ayat: 47]

### Seruan kami:

Oleh itu kepada sekalian kaum muslimin kami berseru: “Janganlah tuan-tuan terpengaruh dengan tipu-daya orang-orang yang akan merosakkan iktikad dan kepercayaan tuan-tuan terhadap kekuasaan Allah *al-‘Alīy al-Qadīr*. Islam tidak memandang sama ada seseorang itu mempunyai *title* “ulama, ustaz kiyai

atau pun lebai”, yang salah itu tetap salah dan yang benar itu tetap benar. Dalam soal ini Saiyidina ‘Alī *raḍīya Allahu ‘anhu* pernah berkata: *“Anzuru illā mā qāla wa lā tanzuru illā man qāla”*. Ertinya: “Perhatikanlah kepada apa yang dikatakan oleh seseorang itu, dan jangan engkau perhatikan siapa yang berkata”.

Mudah-mudahan seruan kita yang ringkas ini akan mendapat perhatian penuh oleh setiap orang Islam yang benar-benar mempercayai akan kekuasaan Allah *‘azza wajalla*. *“Inna Allāh ‘alā kulli shay‘in qadīr.” Wa salām ‘alā man atba‘ al-hudā wa billāhi al-tawfīq.*

Abdul Aziz al-Murshidi

Pengarang Majalah Qalam



Duli Yang Maha Mulia Al-Malik Husin kedua – Raja Morocco – sedang khusyuk membaca ayat-ayat suci di dalam Masjid al-Rasūl di Madinah al-Munawwarah sewaktu kunjungan baginda ke Sa‘udī ‘Arabiyā beberapa bulan yang lalu.